

e-DAGANG

2014

[/Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri](#) [/LHDNM](#) [1-800-88-5436\(LHDN\)](#)



e-DAGANG

Pengenalan

- Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barang atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian

Medium e-Dagang

- Laman sesawang (.com, .my, .net, blog, facebook, twitter, forum, dll)
- Telefon bimbit

Tanggungjawab Pemilik Laman Sesawang

- Setiap peniaga mesti mempunyai nombor cukai pendapatan
- Melaporkan pendapatan/kerugian yang diterima daripada akitiviti perniagaan e-Dagang
- Mengisi dan mengemukakan Borang B (e-B) secara **e-Filing**
- Jika perniagaan adalah perkongsian:
 - Isi Borang P (e-P) dan CP30 (tanggungjawab Ahli Kongsi Utama)
 - Hantar Borang P (e-P) tanpa akaun perkongsian
 - Maklumkan secara bertulis sekiranya perkongsian tamat/ditukar kepada perniagaan milikan tunggal/syarikat sendirian berhad
- Membuat bayaran cukai (**ByrHASIL**)
- Simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan selama 7 tahun
- Patuhi arahan Notis Bayaran Ansuran CP500

Dokumen dan Rekod Yang Perlu Disimpan

- Perbelanjaan domestik dan persendirian
- Penyata bank
- Penyata dari payment gateway (Paypal, ipay88, MOL, dll)
- Penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan (seperti Nuffnang, Google Adsense, dll)
- Pengesahan jualan dan belian melalui e-mel, dll
- Dokumen perjanjian
- Risit asal bagi setiap pelepasan/belanja yang dituntut, dll

Perbelanjaan Perniagaan

Dibenarkan	Tidak Dibenarkan
Perbelanjaan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan perniagaan Contoh: • Kos kemaskini laman sesawang • Bayaran konsultan laman sesawang • Bayaran pembaharuan nama domain • Internet akses • Peralatan telekomunikasi, modem • Sewa server • Utiliti	Perbelanjaan domestik dan persendirian Contoh: • Bil elektrik dan bil air rumah kediaman Perbelanjaan beli aset peribadi Contoh: • Kereta • Rumah • Perabot

Elaun Modal

Potongan Elaun Modal atas aset perniagaan boleh dituntut dan ditolak selepas pengiraan pendapatan larasan

Jenis dan Kadar Elaun Modal

Jenis Elaun	Jenis Aset	Kadar (%)
Elaun Permulaan	Semua jenis aset	20
Elaun Tahunan	Kenderaan bermotor, jentera berat	20
	Loji dan jentera	14
	Peralatan pejabat, perabot dan lengkap	10
	Komputer	40

Skop Pengenaan Cukai

	Operasi perniagaan		Laman sesawang ditempatkan		Pendapatan perniagaan e-Dagang diterima di Malaysia dan dikenakan cukai
	Malaysia	Luar Malaysia	Malaysia	Luar Malaysia	
PEMASTAUTIN	✓		✓		Ya
	✓			✓	Ya
Cawangan	✓				Pendapatan syarikat yang terbit dari operasi dijalankan di Malaysia dikenakan cukai manakala pendapatan dari jualan menerusi laman sesawang diperolehi dari operasi perniagaan cawangan di luar Malaysia tidak dikenakan cukai
		✓	✓		Tidak
		✓		✓	Tidak
	✓		✓		Tidak
	✓			✓	Tidak
		✓	✓		Tidak
		✓		✓	Tidak
Cawangan		✓			Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai
		✓			Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai
Cawangan			✓		Pendapatan syarikat yang beroperasi di luar Malaysia tidak dikenakan cukai, manakala pendapatan e-Dagang yang diperolehi dari perniagaan cawangan di Malaysia dikenakan cukai

Perniagaan - Berupa perkilangan/penjualan/perkhidmatan
Produk - Berupa ketara/tidak ketara
Laman sesawang - Mengenalpasti/menjawab soalan/tempahan/bayar/penghantaran atas talian
Produk ketara - Dihantar melalui saluran penghantaran biasa
Aktiviti perniagaan termasuklah mendapatkan kandungan laman sesawang/pemerolehan barang/promosi dan pengiklanan/jualan/penghantaran produk/mengemaskini laman sesawang/lain-lain